

PANDUAN / PERATURAN SEMASA MENGGUNAKAN TAMAN PERBANDARAN

1. Pengguna-pengguna Taman Perbandaran adalah dikawal oleh Undang-undang Pindaan Padang Umum Municipal 1953 dan 1959.
2. Semua kemudahan di Taman Perbandaran adalah digunakan dengan percuma pada masa sekarang kecuali dalam kes luarbiasa yang mana bayaran sewa akan ditentukan oleh Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Selain daripada itu, sebarang bayaran kepada sesiapa pun tidak dibenarkan sama sekali.
3. Pengguna-pengguna yang menggunakan kemudahan-kemudahan di Taman Perbandaran adalah atas tanggungan pengguna-pengguna sendiri dan pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak bertanggungjawab atas sebarang kecederaan, kehilangan atau kerosakan kepada sesiapa pun atau kepada sebarang barang dengan secara langsung atau secara tidak langsung.
4. Semua kenderaan hendaklah diletak di tempat kereta dan bukan di merata-rata tempat. Kenderaan tidak boleh sama sekali di pandu / diletak di dalam atau di tempat yang berumput (padang). Pihak pengguna adalah dinasihati mengunci kenderaan mereka masing-masing.
5. Semua pengguna adalah bertanggungjawab atas kebersihan kemudahan atau tempat yang digunakan oleh pihak pengguna. Adalah diperingatkan bahawa pihak pengguna boleh didenda oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang, jika membuang sampah merata-rata tempat.
6. Kawasan Taman Perbandaran adalah zon larangan merokok.
7. Penggunaan buluh tidak dibenarkan sama sekali di tapak perkhemahan, jika didapati pengguna menggunakan buluh, pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan membatalkan tempahan tersebut dengan serta merta tanpa sebarang notis.
8. Semua jenis kegiatan agama dan politik dilarang dalam kawasan Taman Perbandaran.
9. Binatang peliharaan seperti anjing, lembu dan sebagainya tidak dibenarkan dalam kawasan Taman Perbandaran.
10. Pihak penempah adalah bertanggungjawab bagi sebarang pecahan atau kerosakan yang berlaku kepada harta benda Majlis dan hendaklah menanggung kos pembaikan atau kos menggantinya.
11. Segala kelengkapan yang dipinjam hendaklah dikembalikan dalam keadaan yang baik selepas diguna kepada pegawai yang menguruskan pinjaman itu. Penempah adalah dikehendaki menanggung kos pembaikan kelengkapan yang dirosakkan oleh pihak penempah.
12. Pokok-pokok atau mana-mana bahagian pokok di Taman Perbandaran tidak boleh dipotong dan bunga-bunga tidak boleh dipetik.
13. Semua kemudahan di Taman Perbandaran seperti panggung terbuka, bilik mesyuarat, padang serbaguna, gelanggang sukan, tapak perkhemahan, pusat permainan dan sebagainya boleh ditempah untuk berbagai kegiatan yang sesuai atas dasar siapa yang dahulu akan didahulukan. Walau bagaimanapun, gelanggang sukan hanya boleh ditempah secara rasmi untuk pertandingan sahaja. Untuk latihan dan rekreasi, pengguna boleh datang awal untuk menggunakannya, jika ianya tidak terlebih dahulu ditempah oleh mana-mana pihak untuk pertandingan. Sila memastikan kegiatan yang dijalankan oleh pihak tuan tidak menjejaskan keselamatan pengguna-pengguna yang lain.
14. Sebarang bentuk penjualan / menjaja tidak dibenarkan dalam kawasan Taman Perbandaran dan perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu dari pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
15. Semua pengaduan atau cadangan boleh ditujukan kepada Penolong Pegawai Tadbir (Rekreasi), Taman Perbandaran, Persiaran Kuari, 10450 Pulau Pinang atau ditulis dan dimasukkan ke dalam peti cadangan di hadapan pintu pejabat.
16. Untuk keselamatan dan keselesaan setiap pengguna yang lain di Taman Perbandaran adalah diharapkan si-pengguna dapat mengikuti panduan seperti yang di atas.